

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 28 Jun 2021 11:25
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Sesi Perkongsian 'Learn Digital Marketing' Tarik Minat Pelajar




UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

28 JUN 2021 / 18 ZULKAEDAH 1442H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Dr. Azrain Nasyrah Mustapa

SESI PERKONGSIAN 'LEARN DIGITAL MARKETING' TARIK MINAT PELAJAR



UUM ONLINE: Jawatankuasa Pembangunan Keusahawanan Pelajar Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) telah mengadakan sesi perkongsian ilmu bertajuk 'Learn Digital Marketing' secara atas talian, baru-baru ini yang dikendalikan Pensyarah Kanan di SBM, Ts. Dr. Mathivannan a/l Jaganathan yang merupakan pakar dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Objektif sesi perkongsian hamper dua jam itu adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar serta meningkatkan pengetahuan tentang kepentingan pemasaran digital dalam pengurusan perniagaan masa kini.

Ts. Dr. Mathivannan membincangkan tentang perkara asas yang diperlukan untuk mengaplikasikan pemasaran digital, teknik-teknik yang boleh digunakan untuk meningkatkan 'review' atau 'rating' kepada sesuatu produk atau perkhidmatan, antaranya '*personal branding*' iaitu menjenamakan produk atau servis tersendiri.

Melalui '*personal branding*' ini, peserta didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran memperbaiki laman sesawang (website), Facebook, Instagram dan media sosial lain yang mampu menjadi saluran maklumat kepada pengguna.

Kebanyakan media sosial yang disediakan kini ada yang berbayar dan juga percuma. Pelajar dinasihatkan menggunakan aplikasi tersebut secara optima memandangkan ia merupakan salah satu platform untuk mengembangkan perniagaan secara atas talian tanpa memerlukan kos pengoperasian secara fizikal di kala pandemik Covid-19.

Selain itu, kata kunci yang dikongsikan adalah '*Right Tool, Right Effort*' iaitu peserta diingatkan agar menggunakan peralatan dan kaedah yang betul. Pentingnya peserta mengetahui peralatan, teknik atau kaedah akan menghasilkan keputusan atau *output* yang terbaik.

Mengakhiri sesi perkongsian itu, Ts. Dr. Mathivannan menjawab pelbagai soalan yang dikemukakan oleh peserta termasuk pensyarah tentang sesi Pemasaran Digital yang disertai seramai 632 peserta.

Sesi kedua dijadualkan pada 16 November bersama Pensyarah Kanan daripada Jabatan Pemasaran SBM, Dr. Munirah Khamarudin.



Please consider the environment before printing this e-mail



BACHELOR



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.